

PENGECUALIAN CYBER DAN DATA

Meskipun terdapat peruntukan yang bertentangan dalam Sijil ini atau apa jua pengendorsan padanya, Sijil ini mengecualikan sebarang:

- 1.1 Kerugian Cyber;
- 1.2 Kehilangan, kerosakan, liabiliti, tuntutan, kos, perbelanjaan dalam apa jua bentuk secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berpunca daripada, akibat daripada, disebabkan dari atau berkaitan dengan sebarang kehilangan penggunaan, pengurangan kefungsi, pembaikan, penggantian, pemulihan atau penghasilan semula sebarang Data, termasuk apa jua jumlah yang berkaitan dengan nilai Data tersebut; tidak kira jika terdapat sebarang sebab lain atau perkara yang menyumbang secara serentak atau sebarang turutan lain yang sama padanya.

Sekiranya terdapat sebahagian daripada pengendorsan ini didapati tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, bahagian yang lain akan kekal berkuat kuasa sepenuhnya.

Pengendorsan ini akan dikira pakai sekiranya terdapat konflik dengan apa-apa jua perkataan lain di dalam Sijil atau pengendorsan lain padanya yang mempunyai kesan ke atas Kerugian Cyber atau Data, dan Pengendorsan ini akan menggantikan perkataan tersebut.

Definisi

Kerugian Cyber bermaksud kehilangan, kerosakan, liabiliti, tuntutan, kos atau perbelanjaan dalam apa jua bentuk sama ada secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berpunca daripada, akibat daripada, disebabkan dari atau berkaitan dengan apa jua Perbuatan/Tindakan Cyber atau Kejadian Cyber termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tindakan yang diambil untuk mengawal, menghalang, menyekat atau memulihkan sebarang Perbuatan/Tindakan Cyber atau Kejadian Cyber.

Tindakan Cyber bermaksud tindakan yang tidak dibenarkan, berniat jahat atau jenayah atau siri kaitan tindakan yang tidak dibenarkan, berniat jahat atau tindakan jenayah, tidak megira masa tau tempat, atau ancaman atau tipu helah sedemikian yang melibatkan akses kepada, pemprosesan, penggunaan atau pengendalian sebarang Sistem Komputer.

Kejadian Cyber bermaksud:

1. Kesilapan atau kegagalan atau siri kesilapan atau kegagalan berkaitan yang melibatkan akses kepada, pemprosesan, penggunaan atau pengendalian sebarang Sistem Komputer; atau
2. Ketidaksediaan separa atau sepenuhnya atau siri ketidaksediaan separa atau sepenuhnya berkaitan atau kegagalan untuk mencapai, memproses, mengguna atau mengendali sebarang Sistem Komputer.

Sistem Komputer bermaksud:-

Sebarang komputer, perkakasan, perisian, sistem komunikasi, alat elektronik (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, telefon pintar, komputer riba, komputer tablet, alat sesuai dipakai), pelayan, pengkomputeran awan atau mikropengawal termasuk apa sahaja sistem yang serupa atau konfigurasi yang disebut terdahulu dan termasuk apa sahaja input, output, alat penyimpanan data, peralatan perangkaan atau kemudahan sandar berhubung, yang dimiliki atau dikendalikan oleh Peserta atau mana-mana pihak lain.

Data bermaksud maklumat, fakta, konsep, kod atau sebarang maklumat lain yang disimpan atau dihantar dalam sesuatu bentuk untuk digunakan, dicapai, diproses, dihantar atau disimpan oleh sebuah Sistem Komputer.

(Cabutan perkataan fasal LMA5401)